**From:** UUM CORPORATE COMM.
**Sent on:** Tuesday, 15 February, 2022 1:14:48 PM
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** KENALI PENCIPTA LOGO UUM SEMPENA HARI PENGASASAN UUM KE-38

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 FEBRUARI 2022 / 13 REJAB 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar Oleh: Nurul Najihah Azhan

**KENALI PENCIPTA LOGO UUM SEMPENA HARI PENGASASAN UUM KE-38**




**UUM ONLINE:** Sintok - Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menyambut ulang tahun Hari Pengasasannya ke-38 pada 16 Februari 2022 ini.

Mungkin ramai yang ingin mengenali dan mengetahui siapakah pencipta logo disebalik kelahiran Universiti Pengurusan ini.

Memandangkan Allahyarham Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Awang Had Salleh yang dilantik sebagai Naib Canselor UUM yang pertama pernah dipinjamkan sebagai Pengarah Institut Teknologi Mara (ITM) atau yang kini dikenali dengan Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) pada tahun 1978-1980 maka peluang diberikan kepada pelajar Kursus Seni Reka Grafik UiTM Shah Alam untuk menyertai dan menghantar penyertaan mereka untuk pertandingan mencipta logo UUM ini.

Hasilnya tiga pensyarah yang diketuai oleh Ketua Kajian Seni Rekanya Prof Dr Zahari Zain Sulaiman bersama 12 pelajarnya telah menghantar penyertaan mereka.

Bagi menyambut hari bersejarah pada 16 Februari ini pihak UUM Corporate Communication telah menghubungi pereka logo UUM Mohd Taslim Abd Rashid di Batu Pahat Johor.

Pelajar semester akhir Kursus Seni Reka Grafik yang ditemui itu berkata, pensyarahnya telah mewajibkan lebih 100 pelajar kelasnya untuk menghasilkan logo UUM ini pada tahun 1984.

“ Saya tidak menyangka logo ciptaan saya yang mengabungkan empat warna iaitu biru tua, lima jalur berwarna putih, enam biji padi berwarna kuning dan biru muda sebagai latar belakang di luar perisai itu berjaya menambat hati juri,” katanya lagi.

Alumni ITM Sarjana Muda Seni lukis dan Seni Reka 1985 ini menambah dalam logo itu terdapat lakaran tiga dimensi iaitu mata pena melambangkan peranan UUM sebagai institusi pendidikan dan keilmuan.

Manakala dimensi kedua pula melambangkan nama universiti itu UUM yang terdapat lengkung berwarna putih di bawah sekali melambangkan huruf “U” singkatan daripada perkataan universiti ini manakala garis lengkung di atas pula melambangkan “U” dari perkataan utara.

“Garis tegak di tengah-tengah dan diapit oleh dua garis lengkung di kiri dan kanannya melambangkan huruf “M” iaitu Malaysia dan terbentuklah perkataan UUM,” sambungnya lagi.

Dalam dimensi ketiga pula Mohd Taslim berkata, ianya membawa erti yang terkandung dalam moto UUM di mana dua garisan yang melambangkan keilmuan dan enam bulatan bujur yang berwarna kuning di tengah-tengah perisai mata pena itu adalah hasil padi masak yang membawa erti kebudimanan berasaskan prinsip ikutlah rasmi padi, semakin berisi semakin tunduk.

Akhirnya ketiga-tiga garisan dibahagian atas logo itu adalah lambang usaha bersama orang perseorangan untuk berbakti kepada agama, bangsa dan masyarakat selaras dengan moto UUM ilmu, budi dan bakti.





Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.